



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE TREASURY)
TINGKAT 2, 8-12
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2008
CERT. NO. : AR 1905

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj. Kami : PWN.Sel.(PPA)(S)02/33
Jld. 17(10)
Tarikh : 10 Januari 2013

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Semua Pejabat Daerah / Tanah,
Selangor Darul Ehsan.

Y.Bhg. Dato'/Datin Paduka/Tuan / Puan,

**PERINGATAN KEPADA PEMATUHAN PENGGUNAAN PESANAN TEMPATAN
DALAM URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Negeri Selangor masih menerima banyak permohonan pengecualian Pesanan Tempatan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Hal ini adalah tidak selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 4 Tahun 2009 mengenai Peringatan Kepada Pematuhan Penggunaan Pesanan Tempatan Dalam Urusan Perolehan Kerajaan.

3. Justeru, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan diminta untuk memantau dan memastikan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya. Di mana perlu, tindakan surcaj boleh diambil terhadap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ke atas mana-mana ketidakpatuhan dan semua pegawai awam perlu memahirkan diri dengan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa selaras dengan prinsip dan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*).

4. Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)

D.P.M.S., S.I.S.

Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Selangor Darul Ehsan.



No. Telefon : 603 - 5544 7000
No. Fax : 603 - 5510 6255 (YB. PWN),
603 - 5512 1049 (TPWN)
603 - 5512 1054 (Bendahari Negeri),
603 - 5544 7297 (Belanjawan)
Emel : admin.pwn@selangor.gov.my
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>



SELANGORSHINES